

25 JAN 2002
Mahathir-Kastam
TIADA CADANGAN SWASTAKAN JABATAN KASTAM

MELAKA, 25 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Perdana Menteri berkata walaupun kerajaan mempunyai Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memungut cukai pendapatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan dikekalkan sebagai jabatan kerajaan.

Ditanya kemungkinan jabatan itu akan diswastakan pada masa hadapan, beliau berkata: "Tak tahulah tu, saya pada masa akan datang tak ada di sini, orang lain pula."

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Kastam Sedunia kali ke-20 di Akademi Kastam di Bukit Baru di sini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Ketua Pengarah Kastam Datuk Abdul Halil Abdul Mutalib dan lebih 1,000 pegawai dan kakitangan jabatan itu.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan belum membuat keputusan untuk mempelbagaikan atau memperkenalkan cukai-cukai baru berikutan pengurangan kutipan cukai barangan import dan eksport apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dilaksanakan.

"Kita belum buat apa keputusan tapi kerajaan perlu mengutip cukai untuk biayai kerajaan...bila kita ada AFTA dan WTO, kita terpaksa kurangkan import duti.

"Kita kutip banyak daripada import duti, kalau kita tak ada import duti, kerajaan tidak ada punca pendapatan. Jadi kita fikirilah cara lain (untuk kutip cukai)," katanya.

Terdahulu semasa berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata Jabatan Kastam merupakan jabatan yang penting untuk mendapatkan hasil negara dan kini jabatan itu telah disusun kerjanya dengan rapi.

"Dulu tak ada sasaran tertentu, sekarang ini sudah ditentukan setiap tahun jumlah cukai yang dipungut. Saya yakin sasaran ini akan bertambah setiap tahun dengan dinaikkan target (sasaran) ini setiap tahun.

"Ini bermakna pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam perlu bekerja lebih kuat untuk tentukan tak ada sesiapa yang mengelak daripada bayaran cukai yang dikenakan seperti cukai import, eksport selain daripada cukai pendapatan," katanya.

Selain menyentuh peranan jabatan itu, Perdana Menteri turut meminta semua pegawai dan kakitangan kerajaan supaya mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi dan pegangan agama yang kuat untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Beliau mengakui bahawa kadang-kadang berlaku penyalahgunaan kuasa serta rasuah dan ini memerlukan sikap yang tegas daripada pegawai dan kakitangan kerajaan.

"Kita tak mampu kawal 100 peratus rasuah dalam mana-mana jabatan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata undang-undang dan peraturan yang ada tidak boleh menghalang perbuatan salahguna kuasa sepenuhnya, sebaliknya kakitangan kerajaan itu sendiri harus mengawal diri ketika menjalankan tugas bagi membantu membangunkan negara.

Perdana Menteri berkata jika dilihat pada negara yang pegawai kerajaannya mengamalkan rasuah, negara berkenaan tidak boleh dibangunkan

dan pemerintah tidak ada wang yang cukup kerana kutipan hasil tidak dibuat dengan sempurna.

"Kita mengelak perbuatan abaikan tanggungjawab dan salah guna kuasa, kalau kita berjaya elak perbuatan seperti ini saya yakin negara capai kemajuan yang cukup baik," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila negara mencapai kemajuan, perniagaan dan perusahaan akan membuat keuntungan besar dan kerajaan akan mendapat sebahagian daripada keuntungan itu menerusi kutipan cukai.

"Apabila negara maju, keuntungan lebih tinggi, kegiatan import dan eksport bertambah maka kerajaan akan menambah hasilnya dengan begitu tinggi. Apabila kita punyai hasil yang tinggi, dapat kita tingkat bayaran upah dan gaji kepada pegawai dan kakitangan semua.

"Inilah cara kita yang sudahpun berhasil. Kalau kita perhatikan negara yang rasuah menjadi-jadi, upah gaji kakitangan kerajaan amat rendah. Ini kerana pungutan cukai amat berkurangan dan pemerintah tak mampu mendapat gaji yang tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata untuk membayar gaji kakitangannya, kerajaan tidak mungkin membuat pinjaman luar kerana cara ini akan memusnahkan negara dan sudah tentu kakitangan kerajaan akan menderita.

"Alhamdulillah, ini tidak berlaku (di Malaysia), semua pegawai kerajaan berintegriti, mereka jalan tugas dengan baik, pungut cukai tak seleweng, tak salahguna kuasa dan rasuah," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan nama baru jabatan itu iaitu Jabatan Kastam DiRaja selain logonya dan pakaian seragam kakitangannya yang baru.

-- BERNAMA

SBS APG NO MAI